

# DERMOVATE CREAM / OINTMENT

Clobetasol propionate (0.05% w/w)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dermovate
2. Bagaimana Dermovate berfungsi
3. Sebelum mengguna Dermovate
4. Cara menggunakan Dermovate
5. Semasa menggunakan Dermovate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dermovate
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dermovate

Doktor anda telah memilih Krim atau Salap ini untuk anda dan keadaan anda. Dermovate Cream dan Ointment digunakan untuk merawat masalah keradangan kulit dalam jangka masa yang pendek, termasuk ekzema, psoriasis, liken planus dan eritematosus lupus diskoid yang susah dirawat dan tidak respons dengan memuaskan kepada steroid yang kurang aktif.

## Bagaimana Dermovate berfungsi

Dermovate Cream dan Ointment tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai steroid topikal. "Topikal" bermakna ia hanya boleh disapukan pada kulit sahaja. Steroid topikal mengurangkan kemerahan dan kegatalan masalah-masalah kulit tertentu.

## Sebelum mengguna Dermovate

- Bila tidak boleh mengguna

Anda tidak harus:

- Gunakan pada muka di mana kulit mudah menipis kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Biarkan Krim atau Salap masuk ke dalam mata anda.

- Gunakan di sekeliling dubur atau bahagian kemaluan kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Gunakan pada kanak-kanak berumur kurang daripada satu tahun.

- Gunakan Dermovate Cream atau Ointment untuk jangka masa yang panjang. Jika keadaan anda tidak bertambah baik selepas rawatan untuk 4 minggu, berjumpa dengan doktor anda.

- Gunakan Dermovate jika anda mempunyai jangkitan virus kulit seperti herpes simpleks dan cacar air. Tanya doktor anda jika anda mempunyai keadaan kulit seperti atas.

- Gunakan Dermovate jika kulit anda telah dijangkiti dengan bakteria atau kulat. Tanya doktor anda jika anda mempunyai jangkitan kulit sebelum menggunakan Dermovate.

- Sebelum mengguna Dermovate

Jika anda menjawab "ya" kepada sebarang soalan yang berikut, beritahu doktor anda tentang ini sebelum menggunakan Krim atau Salap anda.

- Adakah anda mempunyai jerawat atau satu keadaan yang dikenali sebagai rosasea (kemerahan serius pada kulit dan di sekeliling hidung), atau dermatitis perioral (ruam merah berbintik-bintik di sekitar mulut)?

- Pernahkah anda diberitahu bahawa anda alah terhadap Dermovate Cream atau Ointment, clobetasol propionate atau mana-mana bahan kandungan yang tersenarai?

- Jika anda mempunyai keadaan kulit seperti Psoriasis, pengawasan diperlukan. Anda digalakkan untuk memberitahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan ini sebelum menggunakan Dermovate.

- Kulit sepatutnya dibersihkan sebelum pembalut baru digunakan. Ini adalah untuk mengelakkan jangkitan bakteria kerana keadaan kulit yang panas dan hangat boleh menyebabkan pengumpulan bakteria.

- Adakah anda sedang menyusukan anak?

- Adakah anda rasa anda mungkin hamil, atau sedang merancang untuk mengandung?

- Perlukah bahagian terjejas diliputi dengan pembalut atau lampin kanak-kanak?

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Pastikan doktor anda tahu tentang ubat-ubat lain yang anda sedang mengambil, termasuk ubat-ubat yang anda beli dengan sendiri.

**Cara menggunakan Dermovate**

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sapukan Dermovate Cream atau Ointment dalam kuantiti yang sederhana pada kulit yang terjejas sekali atau dua kali sehari.

Anda harus cucikan tangan anda selepas menggunakan clobetasol propionate, kecuali tangan merupakan bahagian yang sedang dirawat.

Kecuali diarahkan oleh doktor anda:

Anda tidak harus menggunakan lebih daripada ini.

Anda tidak harus menggunakan pada bahagian badan yang besar permukaannya untuk jangka masa yang panjang.

Krim dan Salap hanya boleh disapukan pada kulit sahaja.

Gunakan Krim atau Salap anda sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda. Label atas pek biasanya akan memberitahu anda kuantiti dan kekerapan yang perlu digunakan. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Bila perlu digunakan*

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jika anda menggunakan Dermovate dengan tetap, pastikan anda berjumpa dengan doktor anda sebelum anda berhenti menggunakannya. Hanya gunakan Dermovate untuk jangka masa yang diarahkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa menggunakan Krim atau Salap anda, sapukan kuantiti yang biasa apabila anda teringat atau jika sudah menghampiri masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan gunakan seperti biasa.

- *Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)*

Adalah penting untuk mengikut arahan yang tertera dalam risalah ini. Jika anda menggunakan kuantiti yang lebih besar daripada yang disyorkan secara tidak sengaja untuk beberapa kali, tiada apa-apa yang perlu dibimbangkan.

**Semasa menggunakan Dermovate**

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat anda dan menggunakannya seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Ubat ini hanya dipreskripsikan untuk anda sahaja. Jangan berinya kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun gejala-gejala mereka adalah sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Penyerapan boleh meningkat jika Dermovate Cream atau Ointment digunakan di bawah pembalut atau lampin kanak-kanak. Berhati-hati supaya menggunakan kuantiti yang betul pada kanak-kanak kerana kanak-kanak boleh menyerap lebih banyak ubat melalui kulit

mereka. Jika anda mempunyai sebarang persoalan atau kemusykilan, berbincang dengan doktor anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Apabila digunakan dalam kuantiti yang betul untuk jangka masa yang betul, kebanyakan orang tidak mengalami sebarang masalah semasa menggunakan ubat ini.

Seperti semua ubat lain, sesetengah orang mungkin mengalami kesan-kesan sampingan daripadanya.

Jika anda mengalami bengkak kelopak mata, muka atau bibir, berhenti menggunakan ubat ini dengan segera dan berjumpa dengan doktor anda, kerana ini mungkin merupakan reaksi alahan.

Penyediaan Dermovate boleh diserap melalui kulit anda ke dalam saluran darah anda. Ini bukan satu masalah jika anda menggunakan ubat dalam kuantiti yang betul dan untuk jangka masa yang betul. Jika anda menggunakan ubat dalam kuantiti yang terlalu besar atau menggunakannya untuk jangka masa yang panjang, anda mungkin mengalami perubahan pada kulit anda di mana ubat ini disapukan. Ini termasuk penipisan, kemunculan saluran darah, dan perubahan warna atau kuantiti rambut/bulu.

Reaksi-reaksi alahan setempat seperti kemerahan kulit, ruam, kegatalan, geligata (ruam gatal) dan kepedihan kulit setempat mungkin berlaku pada bahagian yang dirawat dan mungkin serupa dengan gejala-gejala penyakit kulit yang sedang dirawat. Jika tanda-tanda ini berlarutan, berhenti menggunakan ubat ini dengan

serta-merta dan berjumpa dengan doktor anda.

Jika ubat Dermovate digunakan dalam kuantiti yang besar untuk jangka masa yang sangat panjang, tanda-tanda penindasan kelenjar adrenal mungkin muncul. Ini termasuk pertumbuhan kanak-kanak tertangguh, peningkatan berat badan yang tidak diketahui puncanya dan kemunculan jerawat.

Jika anda mengalami sebarang tanda-tanda yang anda tidak ketahui, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers* → *Reporting*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Dermovate**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah 30°C. Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera sebagai “Exp” pada hujung tiub, karton atau label.

Jauhkan Krim dan Salap anda daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak. Ia mungkin memudaratkan mereka.

#### **- Pelupusan**

Jangan lupuskan ubat-ubatan melalui sisa air atau sisa-sisa buangan isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Dermovate Cream merupakan sejenis krim putih hingga putih kekuningan yang mengandungi 0.05% w/w Clobetasol 17-propionate dalam krim yang larut air. Dermovate Cream juga mengandungi Chlorocresol 0.075% w/w sebagai pengawet.

Dermovate Ointment merupakan sejenis salap lut cahaya berwarna putih yang mengandungi 0.05% w/w Clobetasol 17-propionate dalam paraffin.

Dermovate Cream dan Ointment dibungkus dalam tiub aluminium boleh lipat, dengan satu penutup polipropilena.

Boleh didapati dalam tiub 15g dan 100g.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

0.5mg clobetasol propionate di dalam setiap 1g.

- Bahan tidak aktif

#### ***Cream:***

Glycerol monostearate, Cetostearyl alcohol, Chlorocresol, Sodium citrate, Citric acid (monohydrate), Purified water, Arlacel 165, Beeswax substitute 6621, Propylene glycol.

#### ***Ointment:***

Propylene glycol, White soft paraffin, Sorbitan sesquioleate.

#### **- Nombor MAL**

Dermovate Cream 0.05%  
- MAL19961265AZ

Dermovate Ointment 0.05%  
- MAL19961267AZ

### **Pengilang**

Glaxo Wellcome Operations  
Harmire Road, Barnard Castle  
Durham DL12 8DT,  
United Kingdom

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

GlaxoSmithKline  
Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
Level 6, Quill 9,  
112 Jalan Semangat,  
46300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

- 01/03/2016

### **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)250216/00064